

BERJASA BERSEDIA MENGHADAPI PILIHANRAYA UMUM

KOTA BHARU, Ahad — Timbalan Yang Dipertua Agung BERJASA, Haji Wan Hashim Wan Ahmad menegaskan, parti itu sekarang bersiap sedia dengan segala jenteranya bagi menghadapi kemungkinan pilihanraya umum bila-bila masa.

Katanya, soal kerusi dan pencalonan dalam

pilihanraya umum itu tidak timbul dalam parti itu sekarang kerana sebagai sebuah parti komponen Barisan Nasional, ia patuh kepada pucuk pimpinan parti.

"Sebarang arahan dari pucuk pimpinan parti adalah menjadi tanggungjawab setiap parti komponen dan ia adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan lagi," tegasnya.

Haji Wan Hashim

yang juga Persuruhjaya Berjasa Negeri Kelantan menegaskan demikian kepada pemberita selepas mengadakan sidang akhbar penyeritaan Dr. Syed Hussein Al-Attas dalam Berjasa di pejabat Berjasa Negeri di sini semalam.

Menurut beliau, Berjasa sekarang sedang memperkemas jentera pilihanrayanya di semua peringkat bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum itu.

Haji Wan Hashim berkata, ceramah-ceramah Berjasa telah dan sedang diadakan di seluruh negeri.

Beliau menjelaskan, sebuah jawatankuasa penyelarasan pilihanraya telah dibentuk bagi menyelaraskan jentera pilihanraya parti di semua peringkat untuk melicinkan lagi kerja-kerja berkempen dari rumah ke rumah.

Mengenai sumber kewangan bagi menghadapi pilihanraya, Haji Wan Hashim menerangkan, pihak Berjasa Negeri dan Pusat tidak mengalami masalah mengenai perkara itu.

Beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri berkata, "sebagai sebuah parti yang berteraskan prinsip-prinsip keagamaan, Berjasa akan menghadapi pilihanraya dengan segala kemampuan yang ada dan masalah kewangan bukan menjadi perkara pokok."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia